

# Kakitangan wanita perlu aktif: PM

13 JAN 1994

KUALA IUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, nanti semua kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam mempegiatkan program ilmu bermutu secara lebih aktif bagi memainkan peranan lebih berkesan dalam dekad 90-an dan menjelang tahun 2020.

Menurut Perdana Menteri, ahli Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) mesti memperkayakan ilmu dan meninggikan imej persatuan itu dan sektor perkhidmatan awam.

Bdiau berkata demikian dalam kata-kata

aluan buku cenderamata majlis perasmian bangunan baru Rumah Puspanita di Jalan Hose, di sini, hari ini.

Bangunan itu yang dinamakan 'Anjung Kening' dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mahmud Taib.

"Dengan adanya rumah baru yang serba moden dan lengkap ini, diharapkan ahli Puspanita akan menggunakan sepenuhnya segala kemudahan

yang ada bagi mempergiatkan program dan kegiatan berfaedah serta bermutu yang akan meningkatkan lagi prestasi Puspanita selaras dengan dasar pembangunan negara," katanya.

Puspanita setakat ini mempunyai lebih 26,000 ahli di seluruh negara.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah selaku penaung Puspanita berkata, kakitangan wanita dalam kerajaan mesti memberi perkhidmatan yang optimum bagi membantu jentera kerajaan melaksanakan dan menjayakan dasar, program dan projek ke arah pencapaian pembangunan negara.